

22/08/1998

Parti politik usah ambil kesempatan: PM

KANGAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua parti politik di negara ini agar tidak mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi negara sekarang, untuk kepentingan politik mereka.

Menurut Perdana Menteri, jika mereka melakukan perbuatan seumpama itu, ia adalah seperti bersubahat dengan musuh negara dari luar untuk melemahkan negara sendiri.

Beliau berkata, mereka tidak seharusnya mencetuskan suasana politik yang kucar kacir bagi memancing undi dan mengambil kesempatan tekanan yang dikenakan pihak asing terhadap negara bagi kepentingan parti.

"Amat malang jika masalah ekonomi negara dijadikan umpan untuk pancing undi. Kita harap tidak berlaku dan jangan gunakan tekanan orang asing (terhadap negara) untuk dapat keuntungan politik.

"Ia seperti bersubahat dengan musuh luar negara. Tiada bezanya orang Malaysia yang cuba mendapatkan keuntungan daripada masalah ekonomi dengan yang cuba kaut keuntungan ekonomi," katanya di perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Utama di sini, hari ini.

Turut sama di majlis yang dihadiri rakyat pelbagai kaum itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid.

Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu bekerjasama dan menyokong kerajaan dalam usaha menangkis serangan ekonomi dengan merapatkan barisan dan memupuk semangat bersatu padu serta mengamalkan sikap berjimat cermat dan menabung.

Selain memahami bahaya serangan terhadap ringgit, beliau mahu rakyat memastikan iklim politik dan sosial negara stabil tanpa rusuhan yang berpunca daripada perkauman, pengangguran atau dibuang kerja.

Menurutnya, tema Hari Kebangsaan ke-41 kali ini, 'Negara Kita Tanggungjawab Kita' perlu dijadikan panduan oleh rakyat untuk membantu memulihkan ekonomi serta mempertahankan kemerdekaan negara.

"Kita tidak akan meminta lagi bantuan daripada sesiapa, sebaliknya rakyat yang bersatu padu dan mempertahankan maruah. Kita akan bangunkan semula ekonomi walaupun ditekan dan dimiskinkan bagi mencapai matlamat negara maju pada tahun 2020," katanya.

Mengenai serangan ekonomi berterusan, Dr Mahathir mengulangi pandangan Malaysia berhubung ketidakadilan sistem kewangan dunia yang mengamalkan pasaran bebas kini diakui ramai pihak.

"Sehubungan itu, saya harap Soros (pedagang mata wang George Soros), sahabat karib saya meneruskan serangannya supaya mata orang yang tertutup celik semula.

"Saya rayu serang lebih banyak negara dan ambil kepentingan seberapa banyak supaya Soros ini kaya raya. Hari ini dunia tahu apa jenis manusia Soros ini.

"Akhbar London Times dan Financial Times kini mengakui bahawa perbuatan Soros itu salah.

"Soros juga kini sudah beli sejuta hektar tanah di Argentina dan sedang membeli syarikat di Korea menggunakan nama lain," katanya.

Perdana Menteri juga membidas golongan yang menganggap Soros sebagai dermawan dengan memiskinkan negara lain untuk menderma kepada negara miskin lain.

Memberitahu sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak begitu yakin gagasan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dapat

dijayakan ketika kegawatan ekonomi sekarang.

Walaupun berharap EAEC dapat ditubuhkan, beliau percaya ada pihak yang menghalang negara terbabit berbuat demikian dan jika niat itu diteruskan negara itu akan diserang pedagang mata wang dan kapitalis lain.

Katanya, kerajaan tidak akan mengumumkan rancangan bagi mengatasi serangan mata wang bagi mengelak tindakan balas spekulator asing.

"Jadi kita tidak boleh cakap apa-apa sekarang kerana kebebasan akhbar dan kebebasan bercakap begitu terhad.

"Tiada lagi kebebasan sekarang, kalau kita cakap apa yang mereka tidak suka, mereka akan menyerang kita," katanya ditanya kemungkinan kerajaan ada tindakan seperti Hong Kong bagi membendung serangan mata wang.

(END)